

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April 1993

HST 324 Sejarah Thailand

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DALAM SATU [1] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Sejauh manakah peristiwa 1932 dapat disifatkan 'rampasan kuasa' atau 'revolusi'? Bincangkan dari sudut latar belakang, kejadian itu sendiri, dan akibat-akibatnya sehingga Perang Dunia Kedua.
2. Sejauh manakah penyifatan raja-raja Thai sebagai raja mutlak adalah benar?
3. Bincangkan ciri-ciri utama hubungan luar negara Thai sejak kira-kira 1850 hingga sekarang.
4. Jelaskan perubahan yang telah berlaku dalam susunlapis masyarakat negara Thai selepas pertengahan abad ke-19.
5. Sejauh manakah rancangan pembaruan Raja Chulalongkorn dapat disifatkan 'progresif' atau tidak?
6. Bincangkan masalah demokrasi di Thailand dengan merujuk kepada perlembagaan, pilihanraya, parti-parti politik dan golongan pemerintah.
7. Terangkan kedudukan dan peranan golongan pendatang Cina dalam perkembangan negara Thai sejak kira-kira 1850.